



KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

سکیم فرخدمتن  
قعهولو مقیم دانکتوا کامقوع  
نکارا برونی دارالسلام

**SKIM PERKHIDMATAN  
PENGHULU MUKIM  
DAN  
KETUA KAMPUNG**

*Negara Brunei Darussalam*



**SKIM PERKHIDMATAN  
PENGHULU MUKIM  
DAN  
KETUA KAMPUNG**  
*Negara Brunei Darussalam*

DITERBITKAN OLEH:  
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
[ 2015 ]



# ISI KANDUNGAN

---

	MUKA SURAT
<b>PENDAHULUAN</b>	(i)
<b>PERHATIAN</b>	1
1. <b>Syarat-Syarat Lantikan dan Perkhidmatan Ketua Kampung</b>	5-20
(1) Kedudukan	5
(2) Peranan	5
(3) Tugas dan Tanggungjawab	5
(4) Syarat-Syarat Kelayakan Calon Ketua Kampung	8
(5) Tatacara Pencalonan Ketua Kampung	12
(6) Calon, Pencadang dan Penyokong	13
(7) Pengundi	13
(8) Tatacara Pengundian Calon Ketua Kampung	14
(9) Lantikan	15
(10) Gaji dan Keistimewaan Perkhidmatan	16
(11) Cuti, Kelayakan dan Elaun Memangku	17
(12) Penggantungan dan Penamatan daripada Perkhidmatan	18
(13) Lembaga Perjawatan, Disiplin dan Tatatertib	20
(14) Hal-Hal Lain	20

# ISI KANDUNGAN

---

MUKA SURAT

<b>2.</b>	<b>Syarat-Syarat Lantikan dan Perkhidmatan Penghulu Mukim</b>	<b>23-37</b>
(1)	Kedudukan	23
(2)	Peranan	23
(3)	Tugas dan Tanggungjawab	24
(4)	Syarat-Syarat Kelayakan Calon Penghulu Mukim	26
(5)	Tatacara Pencalonan Penghulu Mukim	29
(6)	Calon, Pencadang dan Penyokong	30
(7)	Pengundi	31
(8)	Tatacara Pengundian Calon Penghulu Mukim	31
(9)	Lantikan	32
(10)	Gaji dan Keistimewaan Perkhidmatan	34
(11)	Cuti, Kelayakan dan Elaun Memangku	34
(12)	Penggantungan dan Penamatan daripada Perkhidmatan	35
(13)	Lembaga Perjawatan, Disiplin dan Tatatertib	37
(14)	Hal-Hal Lain	37
<b>JADUAL I</b>	: Sukatan Tanggagaji	41
<b>JADUAL II</b>	: Keistimewaan-Keistimewaan Perkhidmatan	45
<b>JADUAL III</b>	: Carta Aliran Kerjaya dan Skim Perkhidmatan	48
<b>JADUAL IV</b>	: Lembaga Perjawatan, Disiplin dan Tatatertib Penghulu Mukim dan Ketua Kampung	52

## PENDAHULUAN

---

Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam 1998 yang ada pada masa ini telah dikuatkuasakan mulai 1 Februari 1998 bagi menggantikan Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam 1992 yang telah dikuatkuasakan mulai dari 1 Mac 1992. Pada tahun 2005, satu Jawatankuasa telahpun dibentuk bagi meneliti semula Skim Perkhidmatan Penghulu dan Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam 1998 atas kurnia perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dimana Jawatankuasa ini dianggotai oleh agensi-agensi Kerajaan yang terdiri daripada Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kewangan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Pejabat Peguam Negara, Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perkhidmatan Pengurusan dan Jabatan-Jabatan Daerah yang mana dipengerusikan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Objektif utama Jawatankuasa Meneliti Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung ini ialah bagi meneliti semula Skim Perkhidmatan Penghulu dan Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam 1998 dengan tujuan dan matlamat untuk mempertingkatkan, mengukuhkan dan memantapkan lagi martabat, kewibawaan, kualiti kepimpinan dan keberkesanan institusi Penghulu dan Ketua Kampung sebagai teras kepimpinan akar umbi disamping memupuk semangat kewarganegaraan yang baik dalam mendokong kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan juga keperluannya untuk menyesuaikan Skim Perkhidmatan Penghulu dan Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam 1998 dengan perkembangan dan perubahan semasa antaranya mengambilkira seperti berikut :

- i. Perubahan peranan, tugas dan tanggungjawab Penghulu Mukim dan Ketua Kampung pada masa ini yang semakin besar, mencabar dan bukan sahaja hanya menjaga hal ehwal kebajikan, kesejahteraan, pemedulian anak buah kampung malahan merangkumi perkara-perkara yang berhubung kait dengan perpaduan, keamanan, keselamatan, permasalahan, perkembangan serta kemajuan mukim dan kampung di bawah jagaan masing-masing dan semakin meningkat dari masa kesemasa;
- ii. Peranan yang penting yang dimainkan oleh Penghulu Mukim dan Ketua Kampung sebagai perantara dua hala sebagai mata, telinga dan lidah Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan penduduk-penduduk mukim dan kampung bagi sama-sama mengawasi kepentingan, keharmonian, dan keselamatan mukim dan kampung;

## PENDAHULUAN

---

- iii. Bebanan tugas dan tanggungjawab yang juga sangat penting sepertimana jua tugas dan tanggungjawab Pegawai-Pegawai Kerajaan yang lain;
- iv. Bagi meningkatkan lagi semangat dan motivasi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung dalam melaksanakan peranan, tugas dan tanggungjawab sebagai pemimpin akar umbi yang sentiasa saja terdedah dalam berbagai keadaan dan cabaran tanpa mengira waktu dan masa;
- v. Bagi meningkatkan dan menekankan ciri-ciri kewibawaan dan daya kepimpinan yang tinggi serta mempunyai nilai-nilai dan etika kerja yang murni Penghulu Mukim dan Ketua Kampung yang mana memerlukan pengetahuan dan pengalaman yang luas dari aspek pengendalian dengan anak buah mukim dan kampung serta aktif membuat perancangan dan pelaksanaan mengenai hal ehwal kemasyarakatan;
- vi. Bagi mempertingkatkan imej dan status Penghulu Mukim dan Ketua Kampung sebagai pemimpin akar umbi yang berwibawa selaras dengan peranan dan tanggungjawab yang diamanahkan; dan
- vii. Penelitian skim ini adalah juga terbit daripada Resolusi Seminar Peringkat Kebangsaan bagi Penghulu-Penghulu Mukim, Ketua-Ketua Kampung dan Ketua-Ketua Rumah Panjang Seluruh Negara yang telah diadakan pada tahun 2005.



## PENDAHULUAN

---

Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam ini adalah merangkumi aspek-aspek penelitian terhadap syarat-syarat kelayakan termasuklah dari segi kelulusan akademik, tempoh perkhidmatan, tanggagaji, tatacara penilaian prestasi, cuti, keistimewaan-keistimewaan disamping mengemaskan lagi peranan dan tanggungjawab Penghulu Mukim dan Ketua Kampung yang lebih komprehensif dengan juga pembaharuan dari segi skim-skim perkhidmatan secara bertingkat dengan kenaikan-kenaikan pangkat tertentu mengikut syarat-syarat yang telah disediakan. Dalam menyediakan Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam ini, perkara asas dan utama dalam penyediaan adalah mendefinisikan kedudukan seorang Penghulu Mukim dan Ketua Kampung adalah bukan seorang Pegawai Kerajaan akan tetapi adalah disifatkan Pegawai Kerajaan bagi maksud Kanun Keseksaan (*Penal Code*), mengambilkira bahawa lantikan mereka adalah secara pencalonan, pemilihan dan seterusnya pengundian sebelum dilantik ke jawatan Penghulu Mukim atau Ketua Kampung di mana pencalonan, pemilihan dan pengundian adalah atas sokongan masyarakat mukim dan kampung itu sendiri.

Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam adalah merupakan satu skim yang berlainan daripada skim-skim perkhidmatan di dalam Perkhidmatan Awam walaupun penyediaannya adalah merujuk kepada skim-skim perkhidmatan Pegawai dan Kakitangan Kerajaan yang ada berkuatkuasa pada masa ini sebagai asas rujukan di mana penekanan utama dalam skim perkhidmatan ini adalah untuk meningkatkan tahap keberkesanan institusi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung dengan perlantikan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung yang mempunyai kewibawaan, ketokohan dan sifat-sifat kepimpinan serta mempunyai ilmu masyarakat yang tinggi, keaktifan di dalam Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung disamping juga peningkatan syarat-syarat kelayakan akademik dari syarat kelayakan sebelumnya dan seterusnya menjustifikasikannya dengan skim tanggagaji yang lebih baik seimbang dengan peranan, tugas dan tanggungjawab yang berat, tanpa mengira masa dan waktu sebagai seorang pemimpin akar umbi kepada sebuah masyarakat di mukim dan kampung masing-masing.

Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam sudah setentunya nanti akan dapat menjadi rujukan dan garis panduan kepada pihak-pihak berkenaan terutamanya Penghulu Mukim dan Ketua Kampung dalam memahami dan melaksanakan peranan dan tugas serta tanggungjawab yang diamanahkan kepada mereka dengan lebih berkualiti dan berkesan. Dengan adanya Skim Perkhidmatan yang dikemaskinikan ini juga akan dapat memudahkan lagi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung menterjemahkan apa jua peranan, tugas dan tanggungjawab yang

## PENDAHULUAN

---

telah digariskan di dalam Skim Perkhidmatan ini dalam bentuk tindakan-tindakan yang lebih praktikal, bersistematik, efektif dan komprehensif dan semoga hasilnya nanti akan dapat mencapai matlamat bagi mempertingkatkan dan memantapkan lagi martabat, kewibawaan serta kualiti kepimpinan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung. Dengan berkuatkuasanya Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam, maka Skim Perkhidmatan Penghulu dan Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam 1998 adalah dibatalkan.

# **SKIM PERKHIDMATAN PENGHULU MUKIM DAN KETUA KAMPUNG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

## **PERHATIAN**

1. Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam dikuatkuasakan pada 01hb April 2015.
2. Penghulu Mukim dan Ketua Kampung yang dilantik pada atau selepas tarikh penguatkuasaan Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam akan dilantik selama tempoh sepuluh (10) tahun tertakluk kepada penilaian prestasi kerja bagi perkhidmatan lima (5) tahun pertama. Perlantikan semula Penghulu Mukim dan Ketua Kampung adalah hanya melalui proses pencalonan dan pengundian dan lantikan seorang Penghulu Mukim dan Ketua Kampung yang telah memenangi majoriti undi bagi perlantikan semula adalah bagi tempoh setiap lima (5) tahun seterusnya dengan syarat tidak melebihi umur 70 tahun dan tertakluk kepada pengesahan kesihatan daripada Pegawai Perubatan Kerajaan.
3. Dengan berkuatkuasanya Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam baru ini, maka Skim Perkhidmatan Penghulu dan Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam 1998 dengan ini dibatalkan.



**SYARAT-SYARAT LANTIKAN  
DAN  
PERKHIDMATAN KETUA KAMPUNG**



## **SYARAT-SYARAT LANTIKAN DAN PERKHIDMATAN KETUA KAMPUNG**

### **1. KEDUDUKAN**

Seorang Ketua Kampung adalah bukan pegawai Kerajaan di bawah perkhidmatan awam akan tetapi adalah disifatkan sebagai pegawai Kerajaan bagi maksud Kanun Keseksaan (Penal Code). Ketua Kampung dilantik untuk diberi amanah serta tanggungjawab bagi mengetuai, memimpin dan memeduli hal ehwal kampung dan masyarakatnya.

### **2. PERANAN**

- (i) Sebagai ketua dan pemimpin masyarakat akar umbi di peringkat kampung.
- (ii) Sebagai perantara dua hala antara pihak Kerajaan dan masyarakat kampung.
- (iii) Sebagai contoh teladan (*role model*) kepada masyarakat kampung.
- (iv) Sebagai peneraju pembaharuan dan pembangunan.
- (v) Sebagai Pengerusi kepada Majlis Perundingan Kampung.
- (vi) Sebagai peneraju perpaduan, keharmonian, kemakmuran, keselamatan dan kesejahteraan serta penggerak kepada perkembangan sosio-ekonomi masyarakat dan kampung.
- (vii) Sebagai peneraju bagi mengukuhkan, memantapkan, mempertahankan dan mengekalkan sistem pemerintahan bernegara di bawah kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

### **3. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB**

- (i) Taat setia yang tidak berbelah bahagi Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Baginda.

- (ii) Memahami dan mempertahankan adat resam serta kebudayaan penduduk kampung yang bersesuaian dengan falsafah Negara Melayu Islam Beraja.
- (iii) Sebagai mata, telinga dan lidah Kerajaan dan penduduk kampung dalam menjaga serta mengawasi kepentingan, kesejahteraan, kebajikan dan keselamatan kampung.
- (iv) Memeduli dan menumpukan perhatian kepada hal ehwal suka-duka penduduk kampung.
- (v) Mengadakan permuafakatan dengan Penasihat Majlis Perundingan Kampung, Penghulu Mukim dan penduduk kampung bagi mengusul dan melaksanakan perkara-perkara yang berkebajikan dan bagi menyelesaikan sesuatu masalah mereka sama ada oleh mereka sendiri ataupun untuk dihadapkan kepada pihak-pihak berkenaan.
- (vi) Mewujudkan budaya hidup berjiran dalam satu masyarakat pemedulian dan bersefahaman dengan cara mengawasi dan memelihara perpaduan serta keharmonian masyarakat disamping mencegah unsur-unsur perpecahan.
- (vii) Berusaha dan berikhtiar untuk memperbaiki dan memeduli hal ehwal kampung dan masyarakat. Sentiasa peka akan keadaan semasa dan yang mungkin berlaku di dalam kampung serta sekelilingnya.
- (viii) Mengepalai penduduk kampung dan memberikan kerjasama untuk melaksanakan program, projek dan aktiviti kemasyarakatan yang diungkayahkan oleh agensi-agensi Kerajaan serta pihak-pihak swasta bagi kepentingan masyarakat kampung.
- (ix) Memahami undang-undang dan peraturan Negara serta adat resam yang diamalkan di Negara ini terutama di kampungnya.
- (x) Membantu dan memberikan kerjasama kepada agensi-agensi penguatkuasaan Kerajaan dalam mengekalkan keselamatan, ketenteraman dan kesejahteraan kampung khususnya dan Negara Brunei Darussalam amnya.
- (xi) Membuat lawatan kerja (turun padang) secara berterusan ke persekitaran kampung dan menghadapkan laporan serta mengemukakan cadangan-cadangan pembaikan dan pembaharuan demi kemajuan, perkembangan dan kesejahteraan kampung kepada Penghulu Mukim, Pegawai Daerah dan agensi-agensi berkenaan.



- (xii) Bekerjasama rapat dengan penduduk kampung dalam menyediakan, menyimpan dan mengemaskinikan rekod perihal kampung dan anak buahnya misalnya jumlah keramaian penduduk, latar belakang pendidikan mereka, pekerjaan, status kehidupan, bilangan rumah, bangunan, keluasan kawasan kampung, sempadan-sempadan kampung, kemudahan-kemudahan awam dan perkara lain yang berkaitan dengan profil kampung.
- (xiii) Melaksanakan pendaftaran pengangguran penduduk kampung dan seterusnya menghadapkan laporan data bulanan jumlah pengangguran bagi kampung masing-masing sebelum 7 haribulan bulan berikutnya kepada Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE).
- (xiv) Mengadakan mesyuarat Majlis Perundingan Kampung sepertimana kehendak Peraturan Lembaga Pengelola Majlis Perundingan Mukim dan Kampung serta memberikan laporan perjumpaan mesyuarat tersebut kepada Pegawai Daerah selewat-lewatnya dua (2) minggu selepas tarikh mesyuarat dengan memberikan satu salinan kepada Penghulu Mukim.
- (xv) Mewujudkan rangkaian kerja dan mengadakan permuzakarahannya dengan pemimpin-pemimpin masyarakat setempat, pertubuhan-pertubuhan Kerajaan dan bukan Kerajaan (NGOs).
- (xvi) Mengadakan dan menghadiri majlis-majlis dan aktiviti-aktiviti yang menjurus kepada perpaduan, keharmonian, kesejahteraan dan keselamatan masyarakat kampung.
- (xvii) Membuat pembayaran elaun-elaun pencen tua dan bantuan kebajikan dengan segera.
- (xviii) Melaksanakan tugas-tugas seperti yang diarahkan dari masa ke semasa sama ada oleh Pegawai Daerah atau Penghulu Mukimnya atau pihak-pihak yang berwajib.

#### **4. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN CALON KETUA KAMPUNG**

Calon Ketua Kampung hendaklah:-

- (i) Seorang lelaki yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (ii) Berumur tidak kurang tiga puluh (30) tahun dan tidak lebih lima puluh lima (55) tahun pada tarikh pencalonan diadakan.
- (iii) Mempunyai pengetahuan baik dalam Ugama Islam, kemasyarakatan dan adat istiadat dan resam setempat yang lazimnya diamalkan oleh masyarakat kampung berkenaan.
- (iv) Mempunyai perwatakan, ketokohan dan sifat-sifat kepimpinan yang baik dan bersesuaian sebagai seorang pemimpin mengikut amalan kehidupan orang-orang Brunei serta bersikap pemeduliaan dan prihatin.
- (v) Calon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau di pihak swasta mestilah mendapat sokongan kuat dari Ketua Jabatan atau Majikannya, serta mempunyai laporan penilaian prestasi kerja di tahap yang dinilai sebagai **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (3) tahun kebelakangan dari tarikh pencalonan. Mempunyai laporan penilaian prestasi kerja di tahap yang dinilai sebagai **CEMERLANG** adalah merupakan satu kelebihan.
- (vi) Calon yang terdiri daripada Pegawai Kerajaan akan dipersarakan jika dilantik sebagai Ketua Kampung dan akan menikmati faedah dari jawatannya seperti yang ditetapkan dalam Akta Pencen.
- (vii) Calon hendaklah tinggal menetap dan mempunyai rumah kediaman sendiri atau tinggal bersama di rumah kediaman kepunyaan ibubapanya di kampung ia memohon sebagai Ketua Kampung tidak kurang dua (2) tahun kebelakangan dari tarikh pencalonan.
- (viii) Calon yang tidak memenuhi syarat di Fasal 4 (vii) di atas hendaklah terdiri daripada penduduk asal di kampung yang ia memohon untuk menjadi Ketua Kampung dan hendaklah tinggal dan menetap di kampung tersebut apabila dilantik sebagai Ketua Kampung samada di rumah kediaman sendiri atau rumah kediaman ibubapanya di kampung berkenaan.

- (ix) Disahkan oleh Pegawai Perubatan yang berdaftar dan diiktiraf oleh Kerajaan sebagai sihat tubuh badan sebelum majlis pemilihan dan pengundian dan berupaya menjalankan tugas-tugasnya sebagai seorang Ketua Kampung.
  - (x) Tidak menjadi ahli atau terlibat dengan mana-mana pertubuhan siasah (politik) luar dan dalam negeri.
  - (xi) Bersih dan bebas daripada semua tapisan keselamatan, rekod-rekod jenayah, mana-mana tindakan tatatertib dan disiplin semasa berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan atau di pihak swasta atau dalam mana-mana badan atau pertubuhan dan yang berkenaan.
  - (xii) Tidak diistiharkan sebagai seorang Muflis di bawah undang-undang yang berkuatkuasa di dalam dan luar negara dalam tempoh dua (2) tahun sebelum tarikh tutup pencalonan.
  - (xiii) Bagi jawatan **KETUA KAMPUNG TINGKAT I** dengan tanggungaji **PMKK.3**, hendaklah mempunyai kelayakan berikut :
    - (a) Mempunyai sekurang-kurangnya Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (OND) atau yang sebanding dengannya yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman kerja dalam pengurusan, pentadbiran dan penyeliaan. Calon yang mempunyai kelulusan lebih tinggi dan pengalaman yang lebih lama akan diberikan keutamaan.
    - (b) Mempunyai Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama Darjah VI adalah satu kelebihan.
    - (c) Disahkan aktif dalam Majlis Perundingan Mukim dan/atau Majlis Perundingan Kampung dan/atau Jawatankuasa Takmir Masjid oleh Penghulu Mukimnya.
- Atau
- (d) Telah berkhidmat sebagai Ketua Kampung Tingkat II tidak kurang selama lima (5) tahun. Mempunyai laporan penilaian prestasi SANGAT BAIK bagi tempoh tiga (3) tahun kebelakangan dari tarikh pencalonan. Mempunyai laporan penilaian prestasi kerja di tahap yang dinilai sebagai CEMERLANG merupakan satu kelebihan.

- (e) Telah mengikuti kursus dan latihan yang ditetapkan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.
  - (f) Telah bergiat aktif dalam projek-projek perekonomian kampung menerusi Satu Kampung Satu Produk semasa memegang jawatan Ketua Kampung Tingkat II.
  - (g) Telah menerajui kampungnya dalam menyertai Anugerah Kampung Cemerlang semasa memegang jawatan Ketua Kampung Tingkat II.
- (xiv) Bagi jawatan **KETUA KAMPUNG TINGKAT II** dengan tanggungjawab **PMKK.2**, hendaklah mempunyai kelayakan berikut :

- (a) Mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) mata pelajaran peringkat Sijil Am Pelajaran Peringkat Lanjutan atau yang sebanding dengannya yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman kerja dalam pengurusan, pentadbiran dan penyeliaan. Calon yang mempunyai kelulusan lebih tinggi dan pengalaman yang lebih lama akan diberikan keutamaan.
- (b) Mempunyai Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama Darjah VI adalah satu kelebihan.
- (c) Disahkan aktif dalam Majlis Perundingan Mukim dan/atau Majlis Perundingan Kampung dan/atau Jawatankuasa Takmir Masjid oleh Penghulu Mukimnya.

Atau

- (d) Telah berkhidmat sebagai Ketua Kampung Tingkat III tidak kurang selama lima (5) tahun. Mempunyai laporan penilaian prestasi SANGAT BAIK bagi tempoh tiga (3) tahun kebelakangan dari tarikh pencalonan. Mempunyai laporan penilaian prestasi kerja di tahap yang dinilai sebagai CEMERLANG merupakan satu kelebihan.
- (e) Telah mengikuti kursus dan latihan yang ditetapkan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

- (f) Telah bergiat aktif dalam projek-projek perekonomian kampung menerusi Satu Kampung Satu Produk semasa memegang jawatan Ketua Kampung Tingkat III.
  - (g) Telah menerajui kampungnya dalam menyertai Anugerah Kampung Cemerlang semasa memegang jawatan Ketua Kampung Tingkat III.
- (xv) Bagi jawatan **KETUA KAMPUNG TINGKAT III** dengan tanggungaji **PMKK.1**, hendaklah mempunyai kelayakan berikut :
- (a) Mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) mata pelajaran kredit peringkat Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa atau yang sebanding dengannya yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman kerja dalam pengurusan, pentadbiran dan penyeliaan. Calon yang mempunyai kelulusan lebih tinggi dan pengalaman yang lebih lama akan diberikan keutamaan.
  - (b) Mempunyai Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama Darjah VI adalah satu kelebihan.
  - (c) Disahkan aktif dalam Majlis Perundingan Mukim dan/atau Majlis Perundingan Kampung dan/atau Jawatankuasa Takmir Masjid oleh Penghulu Mukimnya.
- (xvi) Syarat-syarat lain
- (a) Hendaklah bersedia bertugas pada bila-bila masa dan dimana-mana saja.
  - (b) Hendaklah bersedia untuk menjadikan rumah kediamannya sebagai tempat perjumpaan dengan penduduk kampung.
  - (c) Syarat-syarat lain yang dikawal oleh peraturan-peraturan yang berkuatkuasa dari masa kesemasa.
- (xvii) Kursus dan Latihan
- (a) Dikehendaki mengikuti kursus dan latihan yang bersesuaian yang dirancang oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan Daerah masing-masing mengikut keperluan dari masa kesemasa.

## 5. TATACARA PENCALONAN KETUA KAMPUNG

- (i) Pegawai Daerah hendaklah mengadakan pengiklanan bagi pencalonan jawatan Ketua Kampung setahun sebelum tamat "tenure"/tarikh tamat lantikan seseorang Ketua Kampung.
- (ii) Setiap pencalonan bagi mengisikan jawatan Ketua Kampung mestilah dibuat mengikut tatacara berikut:-

- (a) i. Calon hendaklah dicalonkan dengan menggunakan Borang Pencalonan yang disediakan oleh Jabatan Daerah dengan ditandatangani oleh seorang Pencadang dan dua (2) orang Penyokong. Borang Pencalonan hendaklah juga ditandatangani oleh calon serta disahkan oleh Penghulu Mukim sebagai pernyataan pengakuan dan persetujuan ke atas pencalonannya;

Atau

- ii. Apabila tidak ada pencalonan atau hanya seorang (1) calon yang dicalonkan melalui proses di Fasal 5(ii)(a)i, ataupun calon-calon yang dikemukakan melalui Fasal 5(ii)(a)i setelah diperakukan/ditemuduga didapati tidak memenuhi kelayakan yang dikehendaki, maka Pegawai Daerah bolehlah mendapatkan cadangan calon-calon untuk dipertimbangkan bagi mengisikan jawatan Ketua Kampung tersebut daripada Majlis Perundingan Kampung berkenaan.
- (b) Penamaan calon atau calon-calon hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Daerah sebelum tarikh penutupan pencalonan dan sebarang penamaan calon selepas tarikh tutup pencalonan adalah tidak sah dan tidak diterima.
- (c) Calon yang tidak menandatangani Borang Pencalonan tidak akan diterima sebagai calon.
- (d) Penarikan diri daripada pencalonan hendaklah dibuat secara bertulis kepada Pegawai Daerah pada bila-bila masa sebelum tarikh pengundian.
- (e) Maklumat yang diberikan dalam Borang Pencalonan mengenai calon akan terlebih dahulu diteliti dan diperakukan oleh Jabatan Daerah.

- (f) Calon hendaklah bersih dari Tapisan-Tapisan Keselamatan, Jenayah, Kesalahan Syariah dan mana-mana tindakan tatatertib/disiplin sewaktu berkhidmat dengan mana-mana jabatan, syarikat atau pertubuhan.
- (g) Calon akan dinilai melalui temuduga oleh Panel Penemuduga yang dibentuk terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga (3) orang ahli dan Pegawai Daerah selaku Pengerusi.

## **6. CALON, PENCADANG DAN PENYOKONG**

- (i) Pencadang dan Penyokong hendaklah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam berumur tidak kurang lapan belas (18) tahun pada tarikh pencalonan.
- (ii) Pencadang dan Penyokong hendaklah terdiri daripada penduduk kampung berkenaan dan tinggal menetap di kampung tersebut pada tarikh tutup pencalonan.
- (iii) Pencadang dan Penyokong hanya boleh mencadang dan menyokong seorang calon sahaja.
- (iv) Pencadang dan Penyokong boleh dicalonkan.

## **7. PENGUNDI**

- (i) Pengundi hendaklah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam berumur tidak kurang lapan belas (18) tahun pada tarikh pengundian.
- (ii) Setiap pengundi hanya dibenarkan mengundi satu undi sahaja. Seseorang tidak akan dibenarkan mengundi melainkan pada tarikh pengundian itu namanya berdaftar sebagai pengundi dalam Daftar Pengundi bagi kampung berkenaan yang disimpan oleh Jabatan Daerah.
- (iii) Pendaftaran pengundi hendaklah dibuat sebelum atau semasa Majlis Pengundian diadakan.

- (iv) Pegawai Daerah adalah bertanggungjawab supaya diadakan satu Daftar Pengundi bagi setiap kampung di bawah kawalannya. Daftar Pengundi hendaklah dipamerkan di Jabatan Daerah dan tempat-tempat yang mudah didatangi oleh penduduk-penduduk dalam tempoh sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari sebelum tarikh pengundian.

## **8. TATACARA PENGUNDIAN CALON KETUA KAMPUNG**

- (i) Pengisian jawatan Ketua Kampung adalah melalui proses pengundian.
- (ii) Calon, pencadang dan penyokong-penyokong di dalam Borang Pencalonan adalah dikehendaki hadir pada Majlis Pengundian. Jika gagal menghadirkan diri maka pencalonannya dikira batal kecuali atas alasan-alasan yang munasabah dengan mendapat kebenaran daripada Pegawai Daerah.
- (iii) Pegawai Daerah hendaklah menetapkan dan memaklumkan tarikh, waktu dan tempat pengundian itu akan diadakan kepada calon Ketua Kampung dan penduduk kampung selewat-lewatnya dua puluh satu (21) hari sebelum tarikh pengundian calon diadakan.
- (iv) Pengundian calon Ketua Kampung mestilah dipengerusikan oleh Pegawai Daerah atau seorang Pegawai Kanan di Jabatan Daerah yang diberikan kuasa secara bertulis oleh Pegawai Daerah.
- (v) Pegawai Daerah hendaklah menyediakan kertas-kertas undi dan Peti Undi. Undian mestilah dibuat secara sulit.
- (vi) Jumlah pengundi hendaklah tidak kurang daripada satu per tiga ( $1/3$ ) daripada jumlah pengundi yang berdaftar.
- (vii) Calon yang mendapat undi sokongan yang terbanyak dalam Majlis Pengundian adalah disokong untuk dipertimbangkan bagi menjawat jawatan Ketua Kampung. Walau bagaimanapun, ketetapan lantikan adalah tertakluk kepada kurnia titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (viii) Jika jumlah pengundian yang diperolehi oleh calon-calon yang bertanding dalam pengundian adalah sama, maka pengundian akan diadakan sekali lagi bagi calon-calon yang berkenaan pada satu tarikh yang akan ditetapkan oleh Pegawai Daerah.



- (ix) Jika calon tunggal yang dibawa ke Majlis Pengundian tidak mendapat sokongan majoriti daripada pengundi berdaftar yang hadir, maka kekosongan jawatan Ketua Kampung berkenaan akan diiklankan semula.

## **9. LANTIKAN**

- (i) Seorang Ketua Kampung adalah dilantik atas kurnia titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (ii) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Fasal 12, seorang Ketua Kampung yang dilantik pada atau selepas tarikh penguatkuasaan Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam akan dilantik selama tempoh sepuluh (10) tahun tertakluk kepada penilaian prestasi kerja bagi perkhidmatan lima (5) tahun pertama. Perlantikan semula Ketua Kampung adalah hanya melalui proses pencalonan dan pengundian dan lantikan seorang Ketua Kampung yang telah memenangi majoriti undi bagi perlantikan semula adalah bagi tempoh setiap lima (5) tahun seterusnya dengan syarat tidak melebihi umur 70 tahun dan tertakluk kepada pengesahan kesihatan daripada Pegawai Perubatan Kerajaan.
- (iii) Seseorang yang dilantik menjadi Ketua Kampung adalah terdiri daripada orang yang dicalonkan mengikut tatacara pencalonan di Fasal 5 dan diundi mengikut tatacara pengundian di Fasal 8. **Walau bagaimanapun, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam boleh melantik seseorang yang bersesuaian dan berkelayakan untuk menjadi Ketua Kampung tanpa mengikut tatacara pencalonan di Fasal 5 dan tatacara pengundian di Fasal 8.**
- (iv) Sekiranya belum terdapat calon yang sesuai untuk dilantik menjadi Ketua Kampung, maka Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri boleh melantik Penghulu Mukim atau seorang Ketua Kampung atau Ketua Rumah Panjang yang berdekatan dengan Kampung berkenaan di mukim yang sama atau seseorang yang tinggal menetap di kampung berkenaan dan difikirkan bersesuaian dengan memberi keutamaan kepada Ahli Majlis Perundingan Kampung untuk memangku jawatan Ketua Kampung tersebut dan dibayar elaun memangku mengikut Fasal 11(iii).
- (v) Sekiranya terdapat seseorang Ketua Kampung yang digantung daripada menjalankan tugas maka Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri boleh melantik seseorang untuk memangku dengan dibayar elaun mengikut Fasal 11(iii).

- (vi) Calon yang berkhidmat dengan Sektor Swasta hendaklah menamatkan perkhidmatannya jika dilantik sebagai Ketua Kampung.
- (vii) Seorang Ketua Kampung boleh menjalankan perniagaan atau perusahaan dengan terlebih dahulu mendapat kebenaran dan menurut syarat-syarat yang ditentukan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.
- (viii) Seorang Ketua Kampung yang dilantik dikehendaki memasuki Skim Tabung Amanah Pekerja tertakluk sepertimana yang ditetapkan dalam Akta Tabung Amanah Pekerja (TAP) dan Skim Persaraan Caruman Tambahan (SCP).

## **10. GAJI DAN KEISTIMEWAAN PERKHIDMATAN**

- (i) Gaji Ketua Kampung adalah di dalam sukatan tanggagaji seperti berikut mengikut **JADUAL I** iaitu :
  - (a) **Ketua Kampung Tingkat I** dalam tanggagaji **PMKK.3** (\$2,270 - \$4,240)
  - (b) **Ketua Kampung Tingkat II** dalam tanggagaji **PMKK.2** (\$1,990 - \$2,970)
  - (c) **Ketua Kampung Tingkat III** dalam tanggagaji **PMKK.1** (\$1,280 - \$2,270)
- (ii) Bagi Ketua Kampung yang dilantik dari kalangan Pegawai Kerajaan, gaji permulaannya adalah mengikut kiraan gaji dan tanggagaji yang terakhir diterimanya. Walau bagaimanapun bagi pegawai Kerajaan yang belum mencapai sukatan tanggagaji jawatan Ketua Kampung yang ianya dilantik, maka gaji permulaannya adalah dikira mengikut gaji permulaan dalam sukatan tanggagaji jawatan Ketua Kampung tersebut.
- (iii) Seorang Ketua Kampung adalah layak mendapat keistimewaan-keistimewaan seperti yang diterima oleh Pegawai-Pegawai Kerajaan di dalam Bahagian II dan III mengikut **JADUAL II**.

## 11. CUTI, KELAYAKAN DAN ELAUN MEMANGKU

### (i) Cuti

- (a) Seseorang Ketua Kampung layak mendapat cuti tahunan sebanyak empat puluh (40) hari dan boleh mengambil cuti setelah bertugas genap satu (1) bulan kalendar. Perkiraan kelayakan cuti sebulan kalendar adalah seperti berikut:

$$\frac{\text{Jumlah kelayakan Cuti Tahunan}}{12 \text{ bulan}}$$

- (b) Seseorang yang dilantik memangku secara berterusan melebihi satu (1) tahun layak mendapat cuti tahunan sebanyak empat puluh (40) hari.

### (ii) Kelayakan Memangku

- (a) Apabila seseorang Ketua Kampung telah dibenarkan bercuti, Pegawai Daerah boleh melantik:-
- i. Penghulu Mukim bagi Kampung berkenaan; atau
  - ii. Salah seorang daripada Ketua Kampung atau Ketua Rumah Panjang yang ada di mukim berkenaan; atau
  - iii. Salah seorang ahli Jawatankuasa Majlis Perundingan Kampung berkenaan; atau
  - iv. Seseorang yang tinggal menetap di kampung berkenaan; atau
  - v. Salah seorang daripada Ketua Kampung dari mukim yang berdekatan;

untuk memangku jawatan Ketua Kampung dengan dibayar elaun memangku.

**(iii) Elaun Memangku**

- (a) Bagi Pegawai Kerajaan atau Penghulu Mukim atau Ketua Kampung atau Ketua Rumah Panjang atau orang yang berkhidmat dengan Syarikat Swasta, kadar elaun memangku adalah separuh daripada gaji permulaan sukatan tanggagaji jawatan Ketua Kampung yang dipangkunya.
- (b) Bagi orang yang tidak berkhidmat dengan Kerajaan atau Syarikat Swasta, kadar elaun memangku iaitu gaji permulaan sukatan tanggagaji jawatan Ketua Kampung yang dipangkunya.
- (c) Elaun memangku akan dibayar satu (1) elaun sahaja yang mana lebih tinggi bagi yang memangku lebih daripada satu jawatan.
- (d) Elaun memangku akan dibayar walaupun tempoh memangku itu hanya satu (1) hari sahaja iaitu pada kadar jumlah hari memangku.
- (e) Apabila seorang Ketua Kampung bercuti dalam masa ia memangku jawatan Penghulu Mukim atau Ketua Kampung, maka tidak akan dibayar elaun memangku selama ia bercuti.

**12. PENGGANTUNGAN DAN PENAMATAN DARIPADA PERKHIDMATAN**

(i) Penggantungan perkhidmatan :-

- (a) Ketua Kampung boleh digantung perkhidmatannya oleh Pegawai Daerah dalam keadaan dimana Ketua Kampung berkenaan boleh diambil tindakan penamatan perkhidmatan sepertimana yang dinyatakan di bawah Fasal 12(ii) apabila Pegawai Daerah berkenaan menerima laporan dari agensi-agensi Kerajaan tentang penglibatan Ketua Kampung dalam kes jenayah seperti curi, pecah amanah, rasuah atau kesalahan syariah atau mana-mana kesalahan undang-undang atau peraturan-peraturan yang ditetapkan dari masa ke semasa.
- (b) Apabila Ketua Kampung digantung daripada menjalankan tugas-tugasnya, maka Pegawai Daerah hendaklah serta merta menahan sepenuhnya (100%) segala gaji dan elaun Ketua Kampung berkenaan semasa tempoh penggantungan.

- (c) Pegawai Daerah hendaklah menghadapkan laporan dengan seberapa segera kepada Lembaga Perjawatan, Disiplin dan Tatatertib Penghulu Mukim dan Ketua Kampung.
  - (d) Pegawai Daerah hendaklah memaklumkan secara bertulis kepada Ketua Kampung berkenaan mengenai dengan penahanan gaji dan elaun serta penggantungan sehingga mendapat ketetapan daripada Lembaga Perjawatan, Disiplin dan Tatatertib Penghulu Mukim dan Ketua Kampung.
- (ii) Ketua Kampung boleh ditamatkan perkhidmatannya apabila ia:-
- (a) Dihukum sabit salah di atas kesalahan syariah atau jenayah atau yang lain-lain; atau
  - (b) Melanggar peraturan-peraturan dan syarat-syarat Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam; atau
  - (c) Melakukan sebarang perbuatan yang menyebabkan atau menjatuhkan atau mencemarkan akhlak dan nama baik jawatan Ketua Kampung, sama ada ianya dihadapkan ke mahkamah atau tidak, seperti penyebaran ajaran sesat, penyalahgunaan kuasa dan seumpamanya; atau
  - (d) Gagal untuk menunjukkan prestasi yang memuaskan.  
Berkaitan dengan (a), (b), (c) dan (d) di atas, jika Lembaga Perjawatan, Disiplin dan Tatatertib Penghulu Mukim dan Ketua Kampung menyokong perkhidmatan Ketua Kampung untuk ditamatkan, maka sokongan tersebut hendaklah disembahkan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, setelah Ketua Kampung diberi peluang untuk memberi penjelasan.
  - (e) Disahkan oleh Pegawai Perubatan yang berdaftar dan diiktiraf oleh Kerajaan sebagai tidak sihat dan tidak berupaya menjalankan tugas-tugasnya, termasuk gila atau tidak siuman; atau
  - (f) Tidak lagi tinggal menetap di kampung yang ia dilantik sebagai Ketua Kampung atau penduduk kampung berkenaan tidak lagi wujud.

- (iii) Setelah mendapat kebenaran, Ketua Kampung boleh mengundur diri daripada jawatannya dengan memohon secara rasmi.
- (iv) Atas sebab kepentingan dan keselamatan negara, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam boleh menamatkan lantikan seseorang Ketua Kampung.

### **13. LEMBAGA PERJAWATAN, DISIPLIN DAN TATATERTIB PENGHULU MUKIM DAN KETUA KAMPUNG**

- (i) Lembaga Perjawatan, Disiplin dan Tatatertib Penghulu Mukim dan Ketua Kampung adalah bertanggungjawab bagi meneliti dan menimbangkan sokongan-sokongan mengenai dengan semua perkara yang berhubung dengan hal ehwal perjawatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung termasuklah pengisian jawatan dan kenaikan pangkat Penghulu Mukim dan Ketua Kampung dan juga bagi meneliti dan menimbangkan kes-kes yang melibatkan pelanggaran peraturan-peraturan dan disiplin kerja dikalangan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung.
- (ii) Senarai keahlian dan terma rujukan Lembaga Perjawatan, Disiplin dan Tatatertib Penghulu Mukim dan Ketua Kampung adalah sepertimana di **Jadual IV**.

### **14. HAL-HAL LAIN**

- (i) Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dengan kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam boleh meminda syarat-syarat lantikan dan perkhidmatan ini atau membuat syarat-syarat lain dari masa ke semasa; dan
- (ii) Segala pertelingkahan atau bantahan terhadap pencalonan atau pengundian hendaklah dihadapkan dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh pencalonan atau pengundian kepada Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang akan membuat keputusan ke atas perkara yang dihadapkan kepadanya. Rayuan ke atas keputusan Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri hendaklah dihadapkan dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh surat Setiausaha Tetap berkenaan kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri melalui Pegawai Daerah. Keputusan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri adalah muktamad.

**SYARAT-SYARAT LANTIKAN  
DAN  
PERKHIDMATAN PENGHULU MUKIM**





## SYARAT-SYARAT LANTIKAN DAN PERKHIDMATAN PENGHULU MUKIM

### 1. KEDUDUKAN

Seorang Penghulu Mukim adalah bukan pegawai Kerajaan di bawah perkhidmatan awam akan tetapi adalah disifatkan sebagai pegawai Kerajaan bagi maksud Kanun Keseksaan (Penal Code). Penghulu Mukim dilantik untuk diberi amanah serta tanggungjawab bagi mengetuai, memimpin dan memeduli hal ehwal mukim dan masyarakatnya.

### 2. PERANAN

- (i) Sebagai ketua dan pemimpin masyarakat akar umbi di peringkat mukim.
- (ii) Sebagai ketua dan pemimpin kepada Ketua-Ketua Kampung dan Ketua-Ketua Rumah Panjang dalam mukimnya.
- (iii) Sebagai perantara dua hala antara pihak Kerajaan dan masyarakat mukim.
- (iv) Sebagai contoh teladan (*role model*) kepada masyarakat mukim.
- (v) Sebagai peneraju pembaharuan dan pembangunan.
- (vi) Sebagai perunding dan penasihat kepada masyarakat mukim.
- (vii) Sebagai Pengerusi kepada Majlis Perundingan Mukim.
- (viii) Sebagai peneraju perpaduan, keharmonian, kemakmuran dan kesejahteraan serta penggerak kepada perkembangan sosio-ekonomi masyarakat mukim dan kampung.
- (ix) Sebagai peneraju bagi mengukuhkan, memantapkan, mempertahankan dan mengekalkan sistem pemerintahan bernegara di bawah kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

### **3. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB**

- (i) Taat setia yang tidak berbelah bahagi Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Baginda.
- (ii) Memahami dan mempertahankan adat resam serta kebudayaan penduduk mukim yang bersesuaian dengan falsafah Negara Melayu Islam Beraja.
- (iii) Sebagai mata, telinga dan lidah Kerajaan dan penduduk mukim dalam menjaga serta mengawasi kepentingan, kesejahteraan, kebajikan dan keselamatan mukim.
- (iv) Bekerjasama rapat dengan Ketua-Ketua Kampung dalam Mukimnya dan Mukim persekitarannya dalam membangun dan memeduli kesejahteraan, keamanan, keselamatan, keharmonian dan perpaduan masyarakat.
- (v) Memeduli dan menumpukan perhatian yang sewajarnya kepada hal ehwal suka duka penduduk mukim.
- (vi) Mengadakan permuafakatan dengan Penasihat Majlis Perundingan Mukim, Ketua-Ketua Kampung, Ketua-Ketua Rumah Panjang dan masyarakat mukim bagi mengusul dan melaksanakan perkara-perkara yang berkebajikan dan bagi menyelesaikan sesuatu masalah mereka sama ada oleh mereka sendiri ataupun untuk dihadapkan kepada pihak-pihak berkenaan.
- (vii) Mewujudkan budaya hidup berjiran dalam satu masyarakat pemedulian dan bersefahaman dengan cara mengawasi dan memelihara perpaduan serta keharmonian masyarakat disamping mencegah unsur-unsur perpecahan.
- (viii) Berusaha dan berikhtiar untuk memperbaiki dan memeduli hal ehwal mukim dan masyarakat. Sentiasa peka akan keadaan semasa dan yang mungkin berlaku di dalam mukim serta sekelilingnya.
- (ix) Mengepalai penduduk mukim dan memberikan kerjasama untuk melaksanakan program, projek dan aktiviti kemasyarakatan yang diungkayahkan oleh agensi-agensi Kerajaan serta pihak-pihak swasta bagi kepentingan masyarakat mukim.
- (x) Memahami undang-undang dan peraturan Negara serta adat resam yang diamalkan di Negara ini terutama di mukimnya.

- (xi) Membantu dan memberikan kerjasama kepada agensi-agensi penguatkuasaan Kerajaan dalam mengekalkan keselamatan, ketenteraman dan kesejahteraan mukim khususnya dan Negara Brunei Darussalam amnya.
- (xii) Membuat lawatan kerja (turun padang) secara berterusan ke persekitaran mukim dan menghadapkan laporan serta mengemukakan cadangan-cadangan pembaikan dan pembaharuan demi kemajuan, perkembangan dan kesejahteraan mukim kepada Pegawai Daerah dan agensi-agensi berkenaan.
- (xiii) Bekerjasama rapat dengan penduduk mukim dalam menyediakan, menyimpan dan mengemaskinikan rekod perihal mukim dan kampung-kampung di bawah kawalannya misalnya jumlah keramaian penduduk, latar belakang pendidikan mereka, pekerjaan, status kehidupan, bilangan rumah, bangunan, keluasan kawasan mukim, sempadan-sempadan mukim, kemudahan-kemudahan awam, maklumat Ketua-Ketua Kampung dan Ketua-Ketua Rumah Panjang dan perkara lain yang berkaitan dengan profil mukim.
- (xiv) Mengenali Pegawai-Pegawai Kerajaan yang bertugas di cawangan-cawangan Jabatan Kerajaan di mukim dan sekitarnya.
- (xv) Mengadakan mesyuarat Majlis Perundingan Mukim sepertimana kehendak Peraturan Lembaga Pengelola Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dan memberikan laporan perjumpaan mesyuarat tersebut kepada Pegawai Daerah selewat-lewatnya dua (2) minggu selepas tarikh mesyuarat.
- (xvi) Mengadakan mesyuarat bulanan dengan Ketua-Ketua Kampung dan Ketua-Ketua Rumah Panjang di bawah jagaannya.
- (xvii) Mengadakan permuzakarah dengan pemimpin-pemimpin masyarakat setempat, pertubuhan-pertubuhan bukan Kerajaan (NGOs), guru-guru dan seumpamanya.
- (xviii) Mengadakan dan menghadiri majlis-majlis dan aktiviti-aktiviti keagamaan, kemasyarakatan dan sukan yang diadakan di Mukim termasuk gotong-royong atau memucang-mucang.
- (xix) Menggalakkan aktiviti-aktiviti perekonomian dalam masyarakat mukim.
- (xx) Bekerjasama dengan masyarakat mukim dalam menjaga kebersihan serta memelihara keindahan alam sekitar daripada sebarang pencemaran.

- (xxi) Membuat pembayaran elaun-elaun pencen tua dan bantuan kebajikan dengan segera jika memangku jawatan Ketua Kampung di mukimnya.
- (xxii) Memantau prestasi, tugas dan tanggungjawab Ketua-Ketua Kampung dan Ketua-Ketua Rumah Panjang di bawah jagaannya.
- (xxiii) Melaksanakan tugas-tugas seperti yang diarahkan dari masa ke semasa oleh Pegawai Daerah atau pihak-pihak yang berwajib.

#### **4. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN CALON PENGHULU MUKIM**

Calon Penghulu Mukim hendaklah:-

- (i) Seorang lelaki yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (ii) Berumur tidak kurang tiga puluh (30) tahun dan tidak lebih lima puluh lima (55) tahun pada tarikh pencalonan diadakan.
- (iii) Beragama Islam menurut Ahli Sunnah Wal-Jamaah Mazhab Ash-Shafiee.
- (iv) Mempunyai pengetahuan baik dalam Ugama Islam, kemasyarakatan dan adat istiadat dan resam setempat yang lazimnya diamalkan oleh masyarakat mukim berkenaan.
- (v) Mempunyai perwatakan, ketokohan dan sifat-sifat kepimpinan yang baik dan bersesuaian sebagai seorang pemimpin mengikut amalan kehidupan orang-orang Brunei serta bersikap pemedulian dan prihatin.
- (vi) Calon hendaklah tinggal menetap dan mempunyai rumah kediaman sendiri atau tinggal bersama di rumah kediaman kepunyaan ibu bapanya di mukim ia memohon sebagai Penghulu Mukim tidak kurang dua (2) tahun kebelakangan dari tarikh pencalonan.
- (vii) Calon yang tidak memenuhi syarat di Fasal 4 (vi) di atas hendaklah terdiri daripada penduduk asal di mukim yang ia memohon untuk menjadi Penghulu Mukim dan hendaklah tinggal dan menetap di mukim tersebut apabila dilantik sebagai Penghulu Mukim sama ada di rumah kediaman sendiri atau rumah kediaman ibu bapanya di mukim berkenaan.

- (viii) Calon yang terdiri daripada Pegawai Kerajaan akan dipersarakan jika dilantik sebagai Penghulu Mukim dan akan menikmati faedah dari jawatannya seperti yang ditetapkan dalam Akta Pencen.
- (ix) Disahkan oleh Pegawai Perubatan yang berdaftar dan diiktiraf oleh Kerajaan sebagai sihat tubuh badan sebelum majlis pemilihan dan pengundian dan berupaya menjalankan tugas-tugasnya sebagai seorang Penghulu Mukim.
- (x) Tidak menjadi ahli atau terlibat dengan mana-mana pertubuhan siasah (politik) luar dan dalam negeri.
- (xi) Bersih dan bebas daripada semua tapisan keselamatan, rekod-rekod jenayah, mana-mana tindakan tatatertib dan disiplin semasa berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan atau di pihak swasta atau dalam mana-mana badan atau pertubuhan dan yang berkenaan.
- (xii) Tidak diisytiharkan sebagai seorang Muflis di bawah undang-undang yang berkuatkuasa di dalam dan luar negara dalam tempoh dua (2) tahun sebelum tarikh tutup pencalonan.
- (xiii) Bagi jawatan **PENGHULU MUKIM TINGKAT I** dengan tanggungaji **PMKK.6**, hendaklah mempunyai kelayakan berikut :
  - (a) Telah berkhidmat sebagai Penghulu Mukim Tingkat II tidak kurang selama lima (5) tahun.
  - (b) Telah mengikuti kursus dan latihan yang ditetapkan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.
  - (c) Mendapat sokongan daripada Pegawai Daerah dan disahkan sebagai seorang Penghulu Mukim yang aktif dan berjaya dalam mengembang, membangun dan memajukan perekonomian kampung-kampung dan meningkatkan kesejahteraan, mengekalkan keselamatan serta berjaya menyatupadukan masyarakat Mukimnya.
  - (d) Mempunyai laporan penilaian prestasi SANGAT BAIK bagi tempoh tiga (3) tahun kebelakangan dari tarikh pencalonan. Mempunyai laporan penilaian prestasi kerja di tahap yang dinilai sebagai CEMERLANG merupakan satu kelebihan.

- (xiv) Bagi jawatan **PENGHULU MUKIM TINGKAT II** dengan tanggungaji **PMKK.5**, hendaklah mempunyai kelayakan berikut :
- (a) Telah berkhidmat sebagai Penghulu Mukim Tingkat III tidak kurang selama lima (5) tahun.
  - (b) Telah mengikuti kursus dan latihan yang ditetapkan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.
  - (c) Mendapat sokongan daripada Pegawai Daerah dan disahkan sebagai seorang Penghulu Mukim yang aktif dan berjaya dalam mengembang, membangun dan memajukan perekonomian kampung-kampung dan meningkatkan kesejahteraan, mengekalkan keselamatan serta berjaya menyatupadukan masyarakat Mukimnya.
  - (d) Mempunyai laporan penilaian prestasi SANGAT BAIK bagi tempoh tiga (3) tahun kebelakangan dari tarikh pencalonan. Mempunyai laporan penilaian prestasi kerja di tahap yang dinilai sebagai CEMERLANG merupakan satu kelebihan.
- (xv) Bagi jawatan **PENGHULU MUKIM TINGKAT III** dengan tanggungaji **PMKK.4**, hendaklah mempunyai kelayakan berikut :
- (a) Mempunyai sekurang-kurangnya Diploma Kebangsaan Peringkat Tinggi (HND) atau yang sebanding dengannya yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau yang sebanding dengannya serta mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman kerja dalam pengurusan, pentadbiran dan penyeliaan. Calon yang mempunyai kelulusan lebih tinggi dan pengalaman yang lebih lama akan diberikan keutamaan.
  - (b) Mempunyai Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama Darjah VI adalah satu kelebihan.
  - (c) Disahkan aktif dalam Majlis Perundingan Mukim dan/atau Majlis Perundingan Kampung dan/atau Jawatankuasa Takmir Masjid oleh Penghulu Mukimnya.

- (d) Calon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau di pihak swasta mestilah mendapat sokongan dari Ketua Jabatan atau Majikannya, serta mempunyai laporan penilaian prestasi kerja di tahap yang dinilai sebagai SANGAT BAIK bagi tempoh tiga (3) tahun kebelakangan dari tarikh pencalonan. Mempunyai laporan penilaian prestasi kerja di tahap yang dinilai sebagai CEMERLANG adalah merupakan satu kelebihan.

Atau

- (e) Telah berkhidmat sebagai Ketua Kampung Tingkat I tidak kurang selama lima (5) tahun.
- (f) Telah mengikuti kursus dan latihan yang ditetapkan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.
- (g) Mempunyai pengalaman dalam memimpin kampungnya dalam mengadakan projek-projek atau aktiviti-aktiviti yang menjurus kepada perpaduan, keharmonian, kesejahteraan dan keselamatan kampung.
- (h) Telah juga menyertai Anugerah Kampung Cemerlang semasa memegang jawatan Ketua Kampung Tingkat I.

## **5. TATACARA PENCALONAN PENGHULU MUKIM**

- (i) Pegawai Daerah hendaklah mengadakan pencalonan jawatan Penghulu Mukim apabila terdapat kekosongan jawatan.
- (ii) Pencalonan bagi mengisikan jawatan Penghulu Mukim akan dibuat sekurang-kurangnya enam (6) bulan sebelum tamat tempoh perkhidmatan pemegangnya.
- (iii) Setiap pencalonan bagi mengisikan jawatan Penghulu Mukim mestilah dibuat mengikut tatacara berikut:-
- (a) Calon hendaklah dicalonkan dengan menggunakan Borang Khas Pencalonan yang disediakan oleh Jabatan Daerah dengan ditandatangani oleh seorang Pencadang dan dua (2) orang Penyokong. Borang Khas Pencalonan hendaklah juga ditandatangani oleh calon sebagai pernyataan pengakuan dan persetujuan ke atas pencalonannya.

- (b) Penamaan calon hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Daerah sebelum tarikh penutupan pencalonan dan sebarang penamaan calon selepas tarikh tutup pencalonan adalah tidak sah dan tidak diterima.
- (c) Calon yang tidak menandatangani Borang Khas Pencalonan tidak akan diterima sebagai calon.
- (d) Penarikan diri daripada pencalonan hendaklah dibuat secara bertulis kepada Pegawai Daerah tidak lewat tiga puluh (30) hari daripada tarikh pencalonan.
- (e) Maklumat yang diberikan dalam Borang Khas Pencalonan mengenai calon akan terlebih dahulu diteliti dan diperakukan oleh Jabatan Daerah.
- (f) Calon hendaklah melalui Tapisan-Tapisan Keselamatan, Jenayah dan yang berkenaan.
- (g) Calon akan dinilai melalui temuduga oleh Panel Penilai yang dibentuk terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga (3) orang ahli dan Pegawai Daerah selaku Pengerusi.
- (h) Jika tidak ada calon yang bersesuaian untuk disokong bagi lantikan menjadi Penghulu Mukim, maka pengiklanan kekosongan jawatan dan pencalonan akan diadakan sekali lagi pada suatu tarikh yang akan ditetapkan oleh Pegawai Daerah.

## **6. CALON, PENCADANG DAN PENYOKONG**

- (i) Pencadang dan Penyokong hendaklah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam berumur tidak kurang lapan belas (18) tahun pada tarikh pencalonan.
- (ii) Pencadang dan Penyokong hendaklah penduduk mukim berkenaan dan tinggal menetap di mukim tersebut pada tarikh tutup pencalonan.
- (iii) Pencadang dan Penyokong hanya boleh mencadang dan menyokong seorang calon sahaja.
- (iv) Pencadang dan Penyokong boleh dicalonkan.



## **7. PENGUNDI**

- (i) Pengundi hendaklah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam berumur tidak kurang lapan belas (18) tahun pada tarikh pengundian.
- (ii) Setiap pengundi hanya dibenarkan mengundi satu undi sahaja. Seseorang tidak akan dibenarkan mengundi melainkan pada tarikh pengundian itu namanya berdaftar sebagai pengundi dalam Daftar Pengundi bagi kampung-kampung di mukim berkenaan yang disimpan oleh Jabatan Daerah.
- (iii) Pendaftaran pengundi hendaklah dibuat sebelum atau semasa Majlis Pengundian diadakan.
- (iv) Pegawai Daerah adalah bertanggungjawab supaya diadakan satu Daftar Pengundi bagi setiap Mukim di bawah kawalannya. Daftar Pengundi hendaklah dipamerkan di Jabatan Daerah dan tempat-tempat yang mudah didatangi oleh penduduk-penduduk dalam tempoh sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari sebelum tarikh pengundian.

## **8. TATACARA PENGUNDIAN CALON PENGHULU MUKIM**

- (i) Pengisian jawatan Penghulu Mukim adalah melalui proses pengundian.
- (ii) Calon, pencadang dan penyokong-penyokong di dalam Borang Pencalonan adalah dikehendaki hadir pada Majlis Pengundian. Jika gagal menghadirkan diri maka pencalonannya dikira batal kecuali atas alasan-alasan yang munasabah dengan mendapat kebenaran daripada Pegawai Daerah.
- (iii) Pegawai Daerah hendaklah menetapkan dan memaklumkan tarikh, waktu dan tempat pengundian itu akan diadakan kepada calon Penghulu Mukim dan penduduk Mukim selewat-lewatnya dua puluh satu (21) hari sebelum tarikh pengundian calon diadakan.
- (iv) Pengundian calon Penghulu Mukim mestilah dipengerusikan oleh Pegawai Daerah atau seorang Pegawai Kanan di Jabatan Daerah yang diberikan kuasa secara bertulis oleh Pegawai Daerah.
- (v) Pegawai Daerah hendaklah menyediakan kertas-kertas undi dan Peti Undi. Undian mestilah dibuat secara sulit.

- (vi) Jumlah pengundi hendaklah tidak kurang daripada satu per tiga (1/3) daripada jumlah pengundi yang berdaftar bagi mukim berkenaan.
- (vii) Calon yang mendapat undi sokongan yang terbanyak dalam Majlis Pengundian adalah disokong untuk dipertimbangkan bagi menjawat jawatan Penghulu Mukim. Walau bagaimanapun, ketetapan lantikan adalah tertakluk kepada kurnia titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (viii) Jika jumlah pengundian yang diperolehi oleh calon-calon yang bertanding dalam pengundian adalah sama, maka pengundian akan diadakan sekali lagi bagi calon-calon yang berkenaan pada satu tarikh yang akan ditetapkan oleh Pegawai Daerah.
- (ix) Jika calon tunggal yang dibawa ke Majlis Pengundian tidak mendapat sokongan majoriti daripada pengundi berdaftar yang hadir, maka kekosongan jawatan Penghulu Mukim berkenaan akan diiklankan semula.

## **9. LANTIKAN**

- (i) Seorang Penghulu Mukim adalah dilantik atas kurnia titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (ii) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Fasal 12, seorang Penghulu Mukim yang dilantik pada atau selepas tarikh penguatkuasaan Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam ini akan dilantik selama tempoh sepuluh (10) tahun tertakluk kepada penilaian prestasi kerja bagi perkhidmatan lima (5) tahun pertama. Perlantikan semula Penghulu Mukim adalah hanya melalui proses pencalonan dan pengundian dan lantikan seorang Penghulu Mukim yang telah memenangi majoriti undi bagi perlantikan semula adalah bagi tempoh setiap lima (5) tahun seterusnya dengan syarat tidak melebihi umur 70 tahun dan tertakluk kepada pengesahan kesihatan daripada Pegawai Perubatan Kerajaan.

- (iii) Seseorang yang dilantik menjadi Penghulu Mukim adalah terdiri daripada orang yang dicalonkan oleh penduduk-penduduk mukim yang berkenaan mengikut tatacara pencalonan Penghulu Mukim seperti di Fasal 5(iii). Walau bagaimanapun, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam boleh melantik seseorang yang bersesuaian dan berkelayakan untuk menjadi Penghulu Mukim tanpa mengikut tatacara pencalonan di Fasal 5(iii).
- (iv) Sekiranya belum terdapat calon yang sesuai untuk dilantik menjadi Penghulu Mukim, maka Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri boleh melantik salah seorang Ketua Kampung dalam mukim berkenaan atau Penghulu Mukim dari mukim lain yang berdekatan atau salah seorang Ketua Kampung dari mukim lain yang berdekatan dan difikirkan bersesuaian untuk memangku jawatan Penghulu Mukim tersebut dan dibayar elaun memangku mengikut Fasal 11(iii).
- (v) Sekiranya terdapat seseorang Penghulu Mukim yang digantung daripada menjalankan tugas maka Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri boleh melantik salah seorang Ketua Kampung dalam mukim berkenaan atau Penghulu Mukim dari mukim lain yang berdekatan atau salah seorang Ketua Kampung dari mukim lain yang berdekatan dan difikirkan bersesuaian untuk memangku dengan dibayar elaun mengikut Fasal 11(iii).
- (vi) Atas sebab kepentingan dan keselamatan negara, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam boleh menamatkan lantikan seseorang sebagai Penghulu Mukim dan melantik orang lain sebagai penggantinya tanpa mengikut Fasal 5.
- (vii) Calon yang berkhidmat dengan Sektor Swasta hendaklah menamatkan perkhidmatannya jika dilantik sebagai Penghulu Mukim.
- (viii) Calon apabila dilantik menjadi Penghulu Mukim boleh menjalankan perniagaan atau perusahaan dengan terlebih dahulu mendapat kebenaran dan menurut syarat-syarat yang ditentukan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.
- (ix) Seorang Penghulu yang dilantik dikehendaki memasuki Skim Tabung Amanah Pekerja tertakluk sepertimana yang ditetapkan dalam Akta Tabung Amanah Pekerja (TAP) dan Skim Persaraan Caruman Tambahan (SCP).

## 10. GAJI DAN KEISTIMEWAAN PERKHIDMATAN

- (i) Gaji bagi jawatan Penghulu Mukim adalah di dalam sukatan tanggagaji seperti berikut mengikut **JADUAL I** iaitu:
- a. Penghulu Mukim Tingkat I** dalam tanggagaji **PMKK.6 (\$5,400)**
  - b. Penghulu Mukim Tingkat II** dalam tanggagaji **PMKK.5 (\$4,750)**
  - c. Penghulu Mukim Tingkat III** dalam tanggagaji **PMKK.4 (\$3,880 - \$4,240)**
- (ii) Seorang Penghulu Mukim adalah layak mendapat keistimewaan seperti yang diterima oleh Pegawai-Pegawai Kerajaan di dalam Bahagian I dan II mengikut **JADUAL II**.

## 11. CUTI, KELAYAKAN DAN ELAUN MEMANGKU

### (i) Cuti

- (a) Seseorang Penghulu Mukim layak mendapat cuti tahunan sebanyak lima puluh (50) hari dan boleh mengambil cuti setelah bertugas genap satu (1) bulan kalendar. Perkiraan kelayakan cuti sebulan kalendar adalah seperti berikut:

$\frac{\text{Jumlah kelayakan Cuti Tahunan}}{12 \text{ bulan}}$
---

- (b) Seseorang yang dilantik memangku secara berterusan melebihi satu (1) tahun layak mendapat cuti tahunan sebanyak lima puluh (50) hari.

### (ii) Kelayakan Memangku

- (a) Apabila seseorang Penghulu Mukim telah dibenarkan bercuti, Pegawai Daerah boleh melantik:-
- i. Salah seorang daripada Ketua Kampung yang ada di Mukim berkenaan; atau
  - ii. Penghulu Mukim dari mukim lain yang berdekatan; atau

- iii. Salah seorang daripada Ketua Kampung dari mukim lain yang berdekatan;  
untuk memangku jawatan Penghulu Mukim dengan dibayar elaun memangku.

**(iii) Elaun Memangku**

- (a) Kadar elaun memangku iaitu separuh gaji permulaan sukatan tanggagaji Penghulu Mukim yang dipangkunya.
- (b) Elaun memangku akan dibayar satu (1) elaun sahaja yang mana lebih tinggi bagi seorang Penghulu Mukim yang dibenarkan memangku jawatan Penghulu Mukim dan dalam masa yang sama ia juga memangku jawatan Ketua Kampung yang lain.

$\frac{\text{Jumlah kelayakan Cuti Tahunan}}{12 \text{ bulan}}$
---

- (c) Elaun memangku akan dibayar walaupun tempoh memangku itu hanya selama 1 hari sahaja iaitu pada kadar jumlah hari memangku.
- (d) Apabila seorang Penghulu Mukim bercuti dalam masa ia memangku jawatan Penghulu Mukim atau Ketua Kampung, maka tidak akan dibayar elaun memangku selama ia bercuti.

**12. PENGGANTUNGAN DAN PENAMATAN DARIPADA PERKHIDMATAN**

- (i) Penggantungan perkhidmatan :-
  - (a) Penghulu Mukim boleh digantung perkhidmatannya oleh Pegawai Daerah dalam keadaan di mana Penghulu Mukim berkenaan boleh diambil tindakan penamatan perkhidmatan sepertimana yang dinyatakan di bawah Fasal 12(ii) apabila Pegawai Daerah menerima laporan dari agensi-agensi Kerajaan tentang penglibatan Penghulu Mukim dalam kes jenayah seperti curi, pecah amanah, rasuah atau kesalahan syariah atau mana-mana kesalahan undang-undang atau peraturan-peraturan yang ditetapkan dari masa ke semasa.
  - (b) Apabila Penghulu Mukim digantung daripada menjalankan tugas-tugasnya, maka Pegawai Daerah hendaklah serta merta menahan sepenuhnya (100%) segala gaji dan elaun Penghulu Mukim berkenaan semasa tempoh penggantungan.

- (c) Pegawai Daerah hendaklah menghadapkan laporan dengan seberapa segera kepada Lembaga Perjawatan, Disiplin dan Tatatertib Penghulu Mukim dan Ketua Kampung.
  - (d) Pegawai Daerah hendaklah memaklumkan secara bertulis kepada Penghulu Mukim berkenaan mengenai dengan penahanan gaji dan elaun serta penggantungan sehingga mendapat ketetapan daripada Lembaga Perjawatan, Disiplin dan Tatatertib Penghulu Mukim dan Ketua Kampung.
- (ii) Penghulu Mukim boleh ditamatkan perkhidmatannya apabila ia:-
- (a) Dihukum sabit salah di atas kesalahan syariah atau jenayah atau yang lain-lain; atau
  - (b) Melanggar peraturan-peraturan dan syarat-syarat Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam; atau
  - (c) Melakukan sebarang perbuatan yang menyebabkan atau menjatuhkan atau mencemarkan akhlak dan nama baik jawatan Penghulu Mukim, sama ada ianya dihadapkan ke mahkamah atau tidak, seperti penyebaran ajaran sesat, penyalahgunaan kuasa dan seumpamanya; atau
  - (d) Gagal untuk menunjukkan prestasi yang memuaskan.  
Berkaitan dengan (a), (b), (c) dan (d) di atas, jika Lembaga Perjawatan, Disiplin dan Tatatertib Penghulu Mukim dan Ketua Kampung menyokong perkhidmatan Penghulu Mukim untuk ditamatkan, maka sokongan tersebut hendaklah disembahkan Kepada Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, setelah Penghulu Mukim berkenaan diberi peluang untuk memberikan penjelasan.
  - (e) Disahkan oleh Pegawai Perubatan yang berdaftar dan diiktiraf oleh Kerajaan sebagai tidak sihat dan tidak berupaya menjalankan tugas-tugasnya, termasuk gila atau tidak siaman; atau
  - (f) Tidak lagi tinggal menetap di mukim yang ia dilantik sebagai Penghulu Mukim atau penduduk mukim berkenaan tidak lagi wujud.

- (iii) Penghulu Mukim boleh menamatkan perkhidmatannya secara rasmi setelah mendapat kebenaran.
- (iv) Atas sebab kepentingan dan keselamatan negara, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam boleh menamatkan lantikan seseorang Penghulu Mukim.

### **13. LEMBAGA PERJAWATAN, DISIPLIN DAN TATATERTIB PENGHULU MUKIM DAN KETUA KAMPUNG**

- (i) Lembaga Perjawatan, Disiplin dan Tatatertib Penghulu Mukim dan Ketua Kampung adalah bertanggungjawab bagi meneliti dan menimbangkan sokongan-sokongan mengenai dengan semua perkara yang berhubung dengan hal ehwal perjawatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung termasuklah pengisian jawatan dan kenaikan pangkat Penghulu Mukim dan Ketua Kampung dan juga bagi meneliti dan menimbangkan kes-kes yang melibatkan pelanggaran peraturan-peraturan dan disiplin kerja di kalangan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung.
- (ii) Senarai keahlian dan terma rujukan Lembaga Perjawatan, Disiplin dan Tatatertib Penghulu Mukim dan Ketua Kampung adalah sepertimana di **Jadual IV**.

### **14. HAL-HAL LAIN**

- (i) Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dengan kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam boleh meminda syarat-syarat lantikan dan perkhidmatan ini atau membuat syarat-syarat lain dari masa ke semasa; dan
- (ii) Segala pertelingkahan atau bantahan terhadap pencalonan atau pengundian hendaklah dihadapkan dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh pencalonan atau pengundian kepada Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang akan membuat keputusan ke atas perkara yang dihadapkan kepadanya.

Rayuan ke atas keputusan Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri hendaklah dihadapkan dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh surat Setiausaha Tetap berkenaan kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri melalui Pegawai Daerah. Keputusan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri adalah muktamad.





## **JADUAL I**



**JADUAL I**  
**SUKATAN TANGGAGAJI JAWATAN KETUA KAMPUNG**

<b>JAWATAN</b>	<b>SUKATAN TANGGAGAJI</b>	<b>MATAGAJI</b>
Ketua Kampung Tingkat I	PMKK.3	2270 2360 2450 2540 2630 2720 2810 2905 3000 2095 3190 3300 3410 3520 3640 3760 3880 4000 4120 4240 EB Khas 4360 4480 4600 4720 4840
Ketua Kampung Tingkat II	PMKK.2	1990 2060 2130 2200 2270 2340 2410 2480 2550 2620 2690 2760 2830 2900 2970 EB Khas 3040 3110 3180 3250 3320
Ketua Kampung Tingkat III	PMKK.1	1280 1340 1400 1450 1510 1570 1630 1690 1750 1810 1870 1930 1990 2060 2130 2200 2270 EB Khas 2340 2410 2480 2550 2620

**SUKATAN TANGGAGAJI JAWATAN PENGHULU MUKIM**

<b>JAWATAN</b>	<b>SUKATAN TANGGAGAJI</b>	<b>MATAGAJI</b>
Penghulu Mukim Tingkat I	PMKK.6	5400 EB Khas 5610
Penghulu Mukim Tingkat II	PMKK.5	4750 EB Khas 4960
Penghulu Mukim Tingkat III	PMKK.4	3880 4000 4120 4240 EB Khas 4360 4480 4600 4720 4840



## **JADUAL II**



## JADUAL II

Menerima keistimewaan-keistimewaan yang diberikan kepada Pegawai-Pegawai Kerajaan dalam Bahagian I, II dan III mengikut kedudukan tanggagaji iaitu :

- (1) Pembayaran baksis bagi perkhidmatan semasa berumur lebih lima puluh lima (55) tahun atau Tabung Amanah Pekerja dan Skim Persaraan Caruman bagi perkhidmatan semasa berumur di bawah lima puluh lima (55) tahun.
- (2) Bonus.
- (3) Elaun Cuti.
- (4) Pengurniaan Tambang untuk Menunaikan Fardu Haji.
- (5) Pinjaman Pendahuluan Untuk Membeli Kenderaan.
- (6) Bantuan kemudahan kewangan untuk memiliki perumahan.
- (7) Elaun Pelajaran.
- (8) Elaun Sara Hidup.
- (9) Elaun Kurnia Khas.
- (10) Elaun Perjalanan (\$150.00 sebulan).
- (11) Elaun Tambang.

Selain daripada itu juga akan menerima Elaun Tetamu berjumlah \$200.00 sebulan dan Elaun Perhubungan berjumlah \$150.00 sebulan.

Nota:

1. Sekiranya Penghulu Mukim atau Ketua Kampung pernah menerima bilangan (4) dan bilangan (11), maka ianya tidak lagi berhak menerima keistimewaan tersebut.
2. Bilangan (6) tertakluk kepada peraturan yang berjalan masakini bagi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung.







### **JADUAL III**

## JADUAL III

### ALIRAN KERJAYA SKIM PERKHIDMATAN JAWATAN KETUA KAMPUNG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



## ALIRAN KERJAYA SKIM PERKHIDMATAN JAWATAN PENGHULU MUKIM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM





## **JADUAL IV**

## JADUAL IV

### **LEMBAGA PERJAWATAN, DISIPLIN DAN TATATERTIB PENGHULU MUKIM DAN KETUA KAMPUNG**

**1. Lembaga Perjawatan, Disiplin dan Tatatertib Penghulu Mukim dan Ketua Kampung** adalah bertanggungjawab kepada perkara-perkara berikut :

- (i) Meneliti dan menimbangkan sokongan-sokongan mengenai dengan semua perkara yang berhubung dengan hal ehwal perjawatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung termasuklah pengisian jawatan dan kenaikan pangkat Penghulu Mukim dan Ketua Kampung.
- (ii) Meneliti dan menimbangkan kes-kes yang melibatkan pelanggaran peraturan-peraturan dan disiplin kerja di kalangan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung

**2. Keahlian Lembaga Perjawatan, Disiplin dan Tatatertib Penghulu Mukim dan Ketua Kampung** adalah terdiri daripada:

- |       |  |   |                    |
|-------|--|---|--------------------|
| (i)   | Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri  | - | Pengerusi          |
| (ii)  | Setiausaha Tetap,<br>Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri<br>(Setiausaha Tetap yang bertanggungjawab dalam hal ehwal Pejabat-Pejabat Daerah)                   | - | Timbalan Pengerusi |
| (iii) | Ketua Bahagian Kuasa-Kuasa Tempatan dan Perpaduan Masyarakat (Daerah-Daerah),<br>Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri  | - | Setiausaha         |
| (iv)  | Timbalan Setiausaha Tetap,<br>Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri<br>(Timbalan Setiausaha Tetap yang bertanggungjawab dalam hal ehwal Pejabat-Pejabat Daerah) | - | Ahli               |
| (v)   | Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam atau Wakil   | - | Ahli               |

(vi)	Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam atau	-	Ahli
(vii)	Pegawai Daerah Brunei dan Muara	-	Ahli
(viii)	Pegawai Daerah Belait	-	Ahli
(ix)	Pegawai Daerah Tutong	-	Ahli
(x)	Pegawai Daerah Temburong	-	Ahli

**Urusetia :**

- Bahagian Kuasa-Kuasa Tempatan dan Perpaduan Masyarakat (Daerah-Daerah), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.
3. Dalam menangani isu-isu yang berbangkit dan dibincangkan dalam permesyuaratan, Lembaga Perjawatan, Disiplin dan Tatatertib Penghulu Mukim dan Ketua Kampung boleh menjemput bagi kehadiran secara 'ad-hoc' orang yang berkaitan dari agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan yang bukan ahli sebagai Pegawai Rujukan/Sumber (Resource Person) bagi isu-isu tersebut.
4. Permesyuaratan Lembaga Perjawatan, Disiplin dan Tatatertib Penghulu Mukim dan Ketua Kampung hendaklah dihadiri oleh sekurang-kurangnya lima (5) orang ahli termasuk :
- (i) Pengerusi atau Timbalan Pengerusi;
  - (ii) Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam atau Wakil; dan
  - (iii) Tiga orang ahli termasuklah dari Timbalan Setiausaha Tetap dan Pegawai Daerah.

**Pegawai-Pegawai Daerah yang berkenaan adalah dimestikan hadir jika permesyuaratan melibatkan perbincangan mengenai dengan Penghulu Mukim atau Ketua Kampung dibawah pengawasan masing-masing.**

## **5. Tugas dan tanggungjawab Lembaga Perjawatan, Disiplin dan Tatatertib Penghulu Mukim dan Ketua Kampung:**

### **(a) Hal Ehwal Perjawatan :**

- (i) Meneliti dan membuat sokongan pemindahan Penghulu Mukim atau Ketua Kampung dari Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam 1998 kepada Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam yang baru ini mengikut syarat-syarat kelayakan yang telah ditetapkan bagi setiap tingkatan jawatan Penghulu Mukim atau Ketua Kampung.
- (ii) Membuat sokongan penyelarasan tingkatan jawatan dan gaji yang berkaitan dengan pemindahan ke dalam Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam.
- (iii) Membuat sokongan kenaikan pangkat bagi Penghulu Mukim atau Ketua Kampung yang berkelayakan dan memenuhi syarat di dalam Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam.
- (iv) Memastikan proses-proses tindakan bagi pengisian dan lantikan calon-calon Penghulu Mukim atau Ketua Kampung dan adalah teratur.
- (v) Melantik Panel Penilai yang berkelayakan bagi calon-calon Penghulu Mukim atau Ketua Kampung yang berkelayakan bagi proses penilaian temuduga.
- (vi) Meneliti sokongan-sokongan calon-calon bagi kebenaran Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri bagi dibawa ke Majlis Pemilihan dan Pengundian Calon Penghulu Mukim atau Ketua Kampung.
- (vii) Menghadapkan sebarang sokongan lantikan atau kenaikan pangkat Penghulu Mukim atau Ketua Kampung kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri bagi pertimbangan dan tindakan seterusnya.



**Nota :**

- \* Lantikan calon ke jawatan Penghulu Mukim atau Ketua Kampung dan kenaikan pangkat Penghulu Mukim dan Ketua Kampung adalah tertakluk kepada Syarat-Syarat Lantikan dan Perkhidmatan di dalam Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam yang mana hendaklah memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan dan menurut peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan dari semasa ke semasa.
- \* Calon yang akan dilantik adalah perlu menjalani pemeriksaan kesihatan dan diakui sihat oleh Pegawai Perubatan Kerajaan untuk berkhidmat sebagai Penghulu Mukim atau Ketua Kampung.
- \* Penetapan tingkatan jawatan Penghulu Mukim atau Ketua Kampung yang akan dijabat bagi jawatan Penghulu Mukim atau Ketua Kampung yang kosong atau bagi pengisian secara tetap oleh calon yang akan dilantik adalah tertakluk kepada syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan.
- \* Kenaikan pangkat ke tingkatan jawatan yang lebih tinggi bagi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung yang sedang berkhidmat bagi jawatan Penghulu Mukim atau Ketua Kampung yang dipegang adalah tertakluk kepada syarat-syarat kelayakan kenaikan pangkat.

**(b) Hal Ehwal Disiplin dan Tatatertib**

- (i) Menimbang kes-kes yang melibatkan pelanggaran peraturan-peraturan dan disiplin kerja serta tatatertib di kalangan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung di bawah Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam.
- (ii) Menyiasat dan menimbang Penghulu-Penghulu Mukim dan Ketua - Ketua Kampung yang akan diambil tindakan tatatertib.
- (iii) Meneliti dan mendapatkan laporan daripada Pegawai Daerah tentang sebarang aduan yang diterima terhadap Penghulu Mukim dan Ketua Kampung dan mempertimbangkan sama ada perlu diambil tindakan tatatertib atau diberikan nasihat dan penerangan setelah diteliti dan ditimbang menurut merit sesuatu kes yang melibatkan mereka itu.

- (iv) Meneliti dan menyiasat laporan yang diterima daripada Pegawai Daerah yang melibatkan disiplin dan tindakan tatatertib ke atas Penghulu Mukim dan Ketua Kampung.
- (v) Mendapatkan maklumat yang terperinci daripada Pegawai Daerah yang berkenaan terhadap kes yang melibatkan disiplin atau tatatertib Penghulu Mukim dan Ketua Kampung.
- (vi) Meneliti dan menyiasat laporan yang diterima daripada agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan mengenai apa jua aduan yang diterima mengenai Penghulu Mukim dan Ketua Kampung.
- (vii) Memanggil dan menemuduga Penghulu Mukim dan Ketua Kampung yang berkenaan untuk mendapatkan penjelasan yang tertentu jika diperlukan terhadap apa jua kes yang melibatkan pelanggaran disiplin atau tatatertib bagi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung di bawah Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam.
- (viii) Memata-matai hal ehwal kewibawaan, kepimpinan, keperibadian dan akhlak Penghulu Mukim dan Ketua Kampung dan jika perlu bertindak sebagai kaunselor dalam menasihatkan mereka untuk menjaga imej dan status sebagai pemimpin di peringkat akar umbi.
- (ix) Menghadapkan sebarang sokongan daripada Lembaga Perjawatan, Disiplin dan Tatatertib Penghulu Mukim dan Ketua Kampung kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri bagi pertimbangan dan sokongan.
- (x) Melaksanakan tindakan-tindakan ke atas ketetapan-ketetapan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

